

UMS komited terjemah agenda Pelan Strategik Halatuju

UB 12.09.2012 A2

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited bersama kerajaan untuk menterjemah agenda Pelan Strategik

Halatuju UMS menjelang wawasan 2020.

Naib Canselor, Prof Dr Harun Abdullah berkata usaha itu adalah untuk menyokong inisiatif kerajaan mencapai sasaran 60,000 pemegang Ijazah Doktor

Falsafah (PhD) menjelang 2023.

Katanya, melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), program MyBrain15 juga dilaksanakan dan mewujudkan tiga program baharu di bawah

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) iaitu program Mymaster, MyPhD dan MyPhD industri.

“Kesemua program ini bermatlamat untuk menyediakan kemudahan pembiayaan pengajian di peringkat pascasiswazah bagi calon yang berkelayakan.

“Justeru bagi migrasi universiti yang cemerlang, saya percaya UMS mampu melahirkan modal insan yang memiliki kecemerlangan dan minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi.

“Keupayaan melahirkan modal insan yang unggul dan dinamik akan memastikan kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi selaras dengan pembangunan negara,” katanya ketika menyampaikan amanat pada majlis Ikrar dan Amanat

Naib Canselor untuk pelajar Baharu Pascasiswazah, di sini kelmarin.

Harun berkata, UMS juga menghadapi cabaran dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan pengajaran, penyelidikan dan inovasi sehingga berkeupayaan bersaing di peringkat global.


Katanya, bagi cabaran itu, KPT turut mensasarkan untuk mencapai 20 pusat kecemerlangan IPTA yang diiktiraf antarabangsa menjelang 2020 dan setiap universiti perlu mengkomersilkan tidak kurang daripada 10 peratus hasil kajian dan pembangunan.

“Bagi membantu KPT mencapai matlamat itu, UMS selaku Universiti Berinovatif akan terus mempergiatkan usaha untuk menuju ke arah kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu,”

ujarnya.

Beliau juga melahirkan harapan kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS supaya dapat mempelbagaikan penawaran program yang sesuai dengan kehendak dan keperluan bagi menampung dan menyokong pembangunan negara.

Tambahnya, proses Menanda Aras terhadap program pascasiswazah perlu dilakukan bagi menentukan program yang ditawarkan berkualiti tinggi dan berdaya saing yang sekaligus menyokong usaha kerajaan meningkatkan tenaga pakar berpengetahuan tinggi.



HARUN ketika keberangkatan keluar setelah selesai majlis itu.